



**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
PERDANA MENTERI**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN AMANAT PERDANA MENTERI
BERSAMA PENJAWAT AWAM PERINGKAT NEGERI
PULAU PINANG TAHUN 2023**

14 APRIL 2023 (JUMAAT)

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM), CAWANGAN
PULAU PINANG, KAMPUS PERMATANG PAUH,
PULAU PINANG**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdu lillaahil Lazhee nah mahduhu Wa Nusalli Ala Rasoolilah Kareem.

YAB Tuan Chow Kon Yeow,
Ketua Menteri Pulau Pinang;

YB Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail,
Menteri Dalam Negeri;

Sahibus Samahah Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor,
Mufti Pulau Pinang;

YB Tuan Lim Guan Eng,

YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali,
Ketua Setiausaha Negara;

YBhg. Dato' Seri Dr. Zulkapli Bin Mohamed,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang & rakan-rakan yang saya muliakan.

1. Terima kasih saudara Ketua Menteri atas kesempatan ini. Dalam kunjungan saya ke beberapa negeri di Sarawak, Sabah, hari ini di Pulau Pinang dan esok di Terengganu serta Selasa di Pahang antara lain majlisnya adalah mengundang pimpinan dan juga penjawat awam Negeri dan Persekutuan untuk saya menemui dan menyatakan tentunya penghargaan kerana apa juga kejayaan yang dicatat terutama seperti di Pulau Pinang sewaktu pimpinan Saudara Lim Guan Eng dapat memacu pertumbuhan dan mengadakan program-program yang menyantuni rakyat dan sekarang diteruskan pula dengan bergaya oleh Saudara Chow itu berhasil kerana kefahaman dan keserasian oleh penjawat awam.
2. Kadang-kadang ada berita-berita satu atau dua kes penguatkuasa atau pegawai yang dianggap melanggar tatasusila dan didakwa, tetapi itu tidak harus menjadi cerminan kepada prestasi secara umum. Tan Sri KSN faham benar pendirian saya dalam hal ini dan beberapa inisiatif beliau di peringkat pusat dan persekutuan itu menunjukkan kesediaan penjawat awam untuk melakukan '*reform*'. Ada orang menganggap *reform* ini seolah-olah kita mengeneipkan apa yang berlaku sebelumnya, tidak.

3. Perkara ini disebut *karamah insaniah*, ia harus mencetuskan membawa perubahan. Tidak boleh kekal dengan kaedah dan kedudukan yang lama. Kita kini berada dalam bulan Ramadan mubarak, *Kullu Am Wa Antum Bikhair* dan sudah semakin dekat dengan Aidilfitri. Ibadah Ramadan itu sendiri adalah kesempatan kita melakukan tazkiyah - pembersihan jiwa, kesedaran disiplin untuk memperbaiki dari tahap yang lalu.
4. Sebab itu para ulama ada menyebut Ramadan ini adalah *back to school program*, madrasah atau *tarbiyah ruhiyah* tanpa kecuali untuk mufti atau menteri, penjawat awam, orang kampung, semuanya dikehendaki kembali untuk membawa semangat baru menggilap kekuatan mereka dengan disiplin. Hal yang boleh dimakan yang tidak diharamkan tetapi dilarang pada waktu siang. Untuk menentukan manusia itu hanya boleh hidup dengan disiplin, kemudian dengan nilai, ada perasaan kemanusiaan, insaniah, yang juga disebut tadi dalam ucapan Saudara Chow tentang manusiawi.
5. Itu kerana faham kemanusiaan kerana sifat ihsan dan kasih sayang atau rahmah dan kemanusiaan. Ini ditanam dalam semangat memenuhi semangat Ramadan yang disebut madrasah Ramadan atau *tarbiyah ruhiyah*. Jadi sentiasa

membuat ukuran penilaian supaya lebih baik dalam latihan ini dan bila kita sebut hari raya fitrah itu maknanya sifat *the primordial state of men and women*, bermakna kembali bersih menjadi lebih baik daripada tahun ini. Ini maksudnya Ramadan itu program disiplin, perubahan bagaimana hidup dan pekerjaan kita perlu selari dengan maksud tersebut.

6. Jadi sebab itulah kita harapkan keikhlasan, Ramadan yang semakin menginjak akhir itu amat penting kerana kita dituntut untuk meningkatkan darjat ketakwaan. “*Ya ayyuhallazina amanu kutiba 'alaikum-siyamu kama kutiba 'alallazina ming qablikum la'allakum tattaqun*” maknanya puasa diwajibkan kepada umat Islam sebagaimana diwajibkan kepada orang-orang sebelumnya agar lebih bertaqwa.
7. Saudara-saudara harus faham terutama yang bukan Islam bahawa Al-quran itu menyebut dan mengiktiraf amalan puasa umat terdahulu daripada kamu. ...*kutiba 'alallazina ming qablikum*, maknanya orang sebelum kamu itu sudah puasa tetapi ukuran kejayaan puasa itu adalah keikhlasan kita, takwa kita kepada Allah Taala, bukan kerana semata-mata hendak diet ataupun hendak menunjuk kepada orang kita ini hebat, baik atau berdisiplin. Tetapi mesti ada ikhlas dalam amal kita.

8. Saya hendak kaitkan ini dengan kehidupan kita, pekerjaan kita dan tatakelola kita. Mengapa dalam bulan Ramadan kita minta tingkat *la'allakum tattaqun* tetapi pembalakan haram berterusan, penipuan masih berlaku, penindasan yang disebut *exploitation harlow parlum - France exploitative term*.
9. Bagaimana boleh berlaku? maknanya amalan kita itu tidaklah *la'allakum tattaqun*. Jadi sebab itu bagi saya bila sebut Malaysia MADANI ini iaitu memupuk semula nilai dan kemanusiaan bagaimana setelah enam (6) dekad merdeka kita masih bahas soal perseteruan kaum, memandang remeh kerana warna kulit atau budaya yang berbeda. Padahal, yang dipupuk itu nilai kemanusiaan.
10. Tidak salah kita bangga dengan pendirian kita. Saya yakin dengan Islam. Saya bangga dengan budaya Melayu. Saya mahu anak Melayu, anak Malaysia petah berbicara dalam bahasa Melayu. Tetapi kita tidak pernah diajar untuk menghina orang lain atau menindas orang lain. Sama ada suku kaum sendiri atau kaum lain. Inilah nilai yang dipupuk. Sebab itu dalam MADANI, soal nilai dan akhlak itu merentasi semua program kita.

11. Kita bicara kemampanan (*sustainability*), kerana penekanan nilai, ini bukan soal pertumbuhan. Bukan sahaja soal berupaya membawa pelaburan asing atau memacu pertumbuhan yang lebih pantas. Tetapi kalau perubahan itu tidak memberi keselesaan kepada rakyat, maknanya kita ada masalah dengan nilai.

12. Kalau perubahan itu menyebabkan terhakisnya bukit-bukau, rosaknya alam dan berlakunya kepincangan, maka bukan pertumbuhan itu yang kita kehendaki. Sebab itu kemampanan itu mesti diteraskan dengan nilai dan saya tekankan berulang kali tentang ihsan, tentang amanah, dan tentang manusia. Ini bukan idea baru, bukan idea Anwar, ini bukan filasuf dan pemikir, tidak. Saya hanya merangkul pandangan-pandangan yang sedia ada dalam agama dan falsafah pemikiran kita yang boleh diterima secara inklusif, merangkul semua kaum di negara kita.

13. Kerana saya rasa setelah sekian lama kita merdeka, sudah sampai masa di mana kita boleh bina keyakinan baru. Di Kelantan, 90% majoritinya umat Islam, di Pulau Pinang majoritinya Cina. Tapi itu tidak menjadi penghalang untuk kita sama ada pemimpin itu Chow atau pemimpin itu Anwar, merasakan denyut nadi rakyat yang dia harus wakili, agar dapat bertindak dengan saksama dan adil. Kalau saya

rumuskan bahawa perlu ada soal keyakinan di sini di samping soal ilmu, soal tekad, soal pembangunan, pertumbuhan ekonomi, mutu pendidikan, mutu kesihatan dan kesejahteraan hidup secara menyeluruh.

14. Kita sekarang dalam Kerajaan Perpaduan, ini merupakan suatu pengalaman baru. Tetapi apakah tunggak daripada dasar kita? Saya ucap terima kasih kepada rakan kita bukan sahaja dari Pakatan Harapan yang menjadi induk yang saya lama dan serasi dengan rakan-rakan yang setia daripada dahulu, tetapi juga rakan-rakan dari Barisan Nasional yang diketuai oleh UMNO, GPS diketuai oleh PBB di Sarawak dan GRS di Sabah bersama kelompok kecil yang lain.

15. Tetapi ada orang menyebut, analisa politik itu tidak terbatas pandangan mereka, ada mengatakan ini *marriage of convenience*, oleh yang demikian kita akan kompromi dalam apa hal pun, ini tidak benar. Kita tegak atas prinsip-prinsip, pertama bahawa negara ini mesti diselamatkan. Bukan diselamatkan oleh orang Melayu atau diselamatkan dari orang Cina atau ada di Semenanjung atau di Sarawak, tetapi diselamatkan dari tatakelola yang bobrok dari pimpinan yang mengguna kedudukan dan kuasa untuk merompak kekayaan negara.

16. Negara terkenal bukan lagi kerana kehebatan Malaysia sebagai negara pelbagai kaum atau negara yang mencatat pertumbuhan ekonomi, atau kerana skandal 1MDB umpamanya, itu pengalaman kita. Jadi kita harus betulkan balik, di semua peringkat, dengan penguatkuasa khususnya SPRM. Jadi bertindaklah kamu secara profesional dengan data yang betul, dengan fakta yang benar dan sekiranya ada, Peguam Negara dakwalah sebagai pengajaran.

17. Saudara-saudara, saya anak Pulau Pinang, lahir di Sungai Bakap dan dibesar di Bukit Mertajam, kemudian jadi Ahli Parlimen di Permatang Pauh. Saudara harus mengerti, saya lahir di Bukit Mertajam di mana orang Melayu dan muslim itu minoriti. Tetapi itu tidak menjadikan saya ini *niche man* atau *niche mentality* atau *Inferiority complex*. Saya tidak rasa *inferior* sama sekali. Walaupun majoriti kawan saya di kuarters hospital Bukit Mertajam itu Cina. Saya tidak merasa *inferior* dan saya merasakan ada kekuatan kita, dia lebih faham saya dan saya lebih faham mereka, dan ini mungkin membantu sahaja. Jadi kalau saudara tanya walaupun saya sekarang ni wakil Tambun, tapi percayalah kasih saya masih di sini.

18. Saya hendak beralih kepada peringkat kedua iaitu tentang soal ekonomi dan soal dasar. Saya kata yang merentas semua itu adalah tatakelola dan nilai. Dalam membuat keputusan harus kita ada kebijaksanaan yang adil dan tidak mudah. Kita diserang kerana kononnya zalim kepada negeri-negeri pembangkang, kita potong peruntukan dan kita kurangkan peruntukan. Tanya Ketua Menteri, 2-3 tahun ini bagaimana layanan Kerajaan Persekutuan terhadap Pulau Pinang? Adakah Pulau Pinang kita sudah maju? Sudah. Semua projek-projek penting itu ditahan.
19. Berbanding dengan kita sekarang dalam Kerajaan Perpaduan. 4 negeri pembangkang semua mendapat peruntukan yang lebih daripada sebelumnya. Tahun ini dalam Belanjawan MADANI 2023, negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis mendapat peruntukan lebih tinggi daripada tahun sebelumnya. Kerana kita tegak sebagai satu kerajaan yang mesti menegakkan keadilan.
20. Kita bicara berdasarkan angka dan data, bukan dari segi teori politik murahan. Angka dan data menunjukkan kita bantu berdasarkan keperluan. Malah bila kita dapat jimatkan hampir RM2 bilion dari projek tebatan banjir kerana kita paksa batal dan tender semula. RM2 bilion ini wang siapa? Wang rakyat, untuk apa? untuk program

tebatan banjir. Apa maksud tebatan banjir, menyelamatkan rakyat dari tenggelam, rumah dari hilang dan hanyut.

21. Faktanya peruntukan RM15 bilion diluluskan tetapi dipermainkan, Anwar kata lulus macam mana boleh batal, macam mana sambung?. Yang saya batal itu kelulusan tanpa tender yang belum sempat dimulakan. Yang saya teruskan ialah kelulusan melalui proses tender dan dapat menjimatkan bilion ringgit.
22. Oleh kerana penjimatan itu saya tambah projek tebatan banjir di Johor kerana Johor menghadapi banjir yang besar dan di Kelantan kerana masalah banjir di Kelantan lebih parah ketimbang atau berbanding Pulau Pinang. Dari mana wang itu? Dari penjimatan akibat proses tender yang telus.
23. Bagaimana Pulau Pinang seperti mana yang disebut tadi ketinggalan dalam beberapa projek besar. Sebab itu Kementerian Kewangan mengambil keputusan memberi perhatian, oleh itu saudara Chow jangan bimbang. Pulau Pinang mesti pertahankan tahap kemajuan ekonomi terutama bidang industri digital kerana mereka telah ke depan dalam bidang ini. Dell Electronics itu contohnya di Pulau Pinang merupakan di antara pusat penyelidikan yang

dianggap di antara pusat pendidikan terbaik selain daripada ibu pejabat mereka di Amerika Syarikat.

24. Kita mesti pertahankan dan kita patut guna apa juga kemudahan tambahan projek, termasuk projek besar untuk membantu dan ini pendirian Kementerian Kewangan sekarang untuk menentukan beberapa projek yang ditinggalkan untuk Pulau Pinang akan bukan sahaja saya akan sambung tapi akan bangunkan semula Pulau Pinang untuk kekal kedudukan mereka.
25. Usaha ini juga melibatkan semua negeri, umpamanya baru-baru ini saya ke negara China. Saya dilayan dengan baik oleh Presiden Xi Jinping dan Perdana Menteri Li Xiang. Penghormatan itu bukan kerana Anwar tetapi Anwar yang mewakili Malaysia. Kalau saya pergi seorang sebagai Anwar Ibrahim dia tidak peduli. Dia tidak bagi *appointment* pun. Jadi saya sedar saya mewakili negara. Jadi saya pertahankan kepentingan negara. Ada kontroversi Laut China Selatan, China tuntutan, kita kata itu hak kita. Jadi bagaimana saya hendak jawab?. Pembangkang kata mana boleh, kita jangan terima, kita lawan, dia hendak ajak kita perang dengan negara China. Tidak masuk akal. Apa pendirian saya? Saya beritahu kepada Presiden, "Presiden, Petronas telah mula kirim pelantar terbesar untuk cari gali

di Laut China Selatan dan saya hendak maklum kepada Presiden supaya faham pendirian kita. Kita terpaksa teruskan dengan projek cari gali itu.

26. Saudara, bukan mudah seorang Perdana Menteri Malaysia bercakap dengan Presiden negara China. Dia tuntutan juga, tetapi sementara itu kita boleh runding tapi perundingan itu tidak menghalang projek kita untuk diteruskan. Kita boleh jawab, kita tidak sedia berunding, tetapi itu tidak masuk akal, jadi lebih baik kita kukuhkan hubungan baik dengan negara China.
27. Sebab tu semasa saya ke Hainan, Bao Dialog itu saya sebut apa yang saya rasa tertarik dengan pandangan Presiden Xi Jinping. Dia sebut pertama, fokus kita mesti kepada pembangunan ekonomi, supaya dapat kita meratakan. Kedua paling tertarik saya, pemimpin negara yang bicara soal tamadun dan peradaban, bukan soal makan minum dan pertumbuhan ekonomi.
28. Jadi bila menemui beliau, beliau ulang tentang prinsip beliau dan beliau kata *Prime Minister* Anwar ini dalam beberapa aspek selari dengan Malaysia MADANI. Wah! saya dengar Presiden Xi Jinping cakap MADANI ini saya pun semangat juga. Ini maknanya kita jaga hubungan baik

dengan pedagang syarikat-syarikat besar, syarikat gergasi negara China.

29. Jadi saya gunalah sedaya upaya saya memujuk mereka datang. Orang kata “oh nanti China akan takluki kita”. China takluk sekiranya yang pertama, kalau kita ini bodoh. Keduanya, kalau kita ini memang jenis manusia yang lemah dan pengemis. Tetapi kalau kita jaga maruah kita, integriti kita, bangga dengan negara kita, pertahankan kemerdekaan kita, kita persilakan mereka dengan syarat kita. Saudara Guan Eng lebih faham tentang ECRL dan masalah-masalah. Tapi pengalaman itu mengajar kita, itu beda kita dengan dulu, dulu masalahnya hendak komisen.
30. Apa syarat kita? Geely masuk hab automotif besar RM20-30 bilion di Tanjung Malim. Saya jumpa sendiri *chief* dia *chairman* dan dua (2) CEO 2 datang. Saya kata terima kasih, kita akan bagi apa sahaja kemudahan yang perlu untuk percepatkan proses. Tetapi mereka perlukan pekerja seramai 4,000. Saya kata mesti cari anak tempatan. Kalau sudah betul tidak boleh kita akan percepatkan proses kemasukan orang-orang lain melalui Kementerian Dalam Negeri. Tetapi syarat itu saya tetapkan dan pekerjaan-pekerjaan biasa soal tukang gunting, restoran, tidak boleh lagi dibawa daripada sana. Mesti orang kita boleh buat style

apa sahaja, boleh gunting *style* k-pop, boleh *style* Guan Eng boleh ikutlah mana-mana pun *style* gunting (nada seloroh).

31. Jadi mereka setuju. Jadi sebab itu saya kata bila kita runding, kita kena runding dengan prinsip dan integriti. Dan Alhamdulillah, dapat dan juga beberapa syarikat-syarikat lain kita bagi pandangan yang sama yang ditumpukan sekarang ini ialah Johor, Sabah, sedikit di Sarawak, di Pulau Pinang, Perak dan juga di Terengganu. Jadi esok dalam perjumpaan saya dengan kerajaan negeri Terengganu, saya akan sebut kita akan mempermudah apa yang perlu tetapi ini satu subjek yang penting untuk kita bincang dan saya ucap tahniah kerana Pulau Pinang ini paling kurang masalah berkaitan masalah kelulusan di peringkat negeri dan kelulusan peringkat majlis perbandaran.
32. Soal kelulusan ini merupakan isu yang besar, dan saya minta KSN, KPPA dan Setiausaha Kerajaan Negeri semua negeri untuk meneliti urusan percepat proses ini yang juga disebut *ease of doing business*. Proses ini amat penting dan memerlukan kerjasama penjawat awam. Kalau kita dapat bawa RM170 bilion, kita lulus peringkat persekutuan, kemudian pergi negeri, 6 bulan tunggu hendak lulus, lepas

itu pergi Pejabat Majlis Perbandaran setahun setengah lagi hendak lulus.

33. Jadi sekarang ini Pulau Pinang merupakan di antara negeri yang paling cepat proses dengan Majlis Perbandaran. Jadi untuk beberapa negeri, saya sendiri bagi tahu kepada Menteri Besar Perak, Ketua Menteri Sabah dan Menteri Besar Johor sewaktu saya berkunjung dengan menteri-menteri dan dengan penjawat awam kanan untuk bincang kalau ada projek di mana sangkutnya, supaya lebih telus dan lebih bersih dan cepat.
34. Daftar syarikat di Singapura satu hari. Ini yang disebut *ease doing business*. Kalau ada *problem* sebut *problem* dia. Tapi kalau daftar di Malaysia masih berlengah, lambat dan kadang-kadang borang sampai 14-16. Ini saya ada minta untuk bantu supaya dapat dipercepatkan proses. Tapi jangan salah faham pula, tidak bermakna kita gagal dengan 14 borang ataupun 44 borang kerana Pulau Pinang masih lagi dapat mencatat kemajuan yang baik. Maknanya masih boleh, tetapi masa beredar dan perlu kita cari jalan untuk percepatkan. Kalau kita hendak jadi, hendak ada *competitive advantage*. Kita ini ketinggalan puluh tahun berbanding atau ketimbang Indonesia yang sudah maju

dan Vietnam yang jauh lebih maju. Jadi kita kena ambil peluang ini.

35. Semalam, perwakilan daripada Amerika Syarikat datang berbincang tentang kemungkinan pelaburan dari Amerika dan saya kata saya alu-alukan. Dia kata tapi kita puji China, ya China jiran, dia besar dan pelaburan dia lebih tinggi, perdagangan dia lebih kuat dengan dia, jadi kita puji dia lebih sikitlah. Kalau Amerika datang kita puji juga tidak ada masalah. Bukan kita nak bermusuh dengan sesiapa.
36. Berbalik kepada soal negeri, saya minta saudara faham hal ini mengapa kita harus pertahankan Kerajaan Negeri yang boleh bekerjasama, ada persefahaman dan bekerja sebagai satu pasukan dengan Kerajaan Persekutuan. Jadi saya minta kawan-kawan faham keperluan kita bukan sahaja pertahankan Kerajaan Negeri tetapi pastikan kekuatan Kerajaan Negeri supaya boleh bantu perkuatkan lagi Kerajaan Perpaduan di peringkat persekutuan.
37. Kalau orang kata dulu Anwar kalau dia jadi Perdana Menteri, dia bertambah sekular, bertambah liberal, LGBT boleh, saudara sudah tengok semua itu hanya bahan fitnah. Saya di UiTM, Shah Alam baru-baru ini, seorang anak mahasiswa tanya saya. Dia kata ada rancangan

apakah dapat dikekalkan UiTM dan tidak ditutup?. Saya rasa soalan tu aneh, tapi soalan tu daripada anak-anak kita. Jadi saya kena jawab dengan sabar. Saya kata tidak ada langsung, itu bukan daripada saya. Daripada DAP juga saya tidak pernah dengar tentang hendak menutup UiTM.

38. Jadi daripada mana? tentunya daripada golongan politik yang memfitnah. Jadi saya beritahu dia, jangan layan, tidak ada sebab kita hendak tutup. Kaji semula, bincang, naikkan mutu, dapatkan beberapa ruang untuk bincang dengan yang lain itu saya tidak menghalang, terpulang, tetapi tidak ada sama sekali dalam dasar kita untuk menutup. Tetapi itulah, dia membuatkan rasa menakutkan sehingga anak kita terpengaruh dan terpesong dengan hal sedemikian.
39. Kalau Pulau Pinang pun terpengaruh sebegitu, saya sedih amatlah. Kerana saudara kenal saya dan tahu pendirian kita termasuk di Pulau Pinang. Patut kita jawab peruntukan untuk Majlis Agama tidak cukup kita boleh bincang. Malah saya selepas ini saya hendak hidupkan jawatankuasa GKP, Pemandu Penyelarasan Projek-Projek Bumiputera yang memang sudah ada sekian lama. Saya akan lancarkan supaya program itu berkesan memberi keyakinan agar masyarakat Melayu Pulau Pinang tidak merasa mereka terpinggir.

40. Mereka dasarnya ada, tapi persepsi begitu kerana ketiadaan beberapa projek yang dekat dengan mereka. Jadi kita akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk membantu daripada pusat dan juga negeri untuk pastikan kita kembali dan pulih semula keyakinan masyarakat Melayu dan mengadakan program-program. Kita sudah buat dahulu macam projek perumahan besar-besaran *Bertam Estate*, kita gunakan jalan baru, kita ambil tanah macam pembangunan UiTM, pembangunan Perguruan Persekutuan Mengkuang.
41. Hal itu kita boleh fikir dan kita boleh rencanakan supaya program ini dapat dijalankan lebih berkesan. Itu cara positif kerana kita tidak boleh nafikan kerajaan di Pulau Pinang ini kuat dan kita harus beri kerjasama. Tidak ada alasan untuk kita menjadikan isu ini yang boleh memecahbelahkan, sepertimana ada orang bercerita, katanya sudah sampai waktunya kita pilih Ketua Menteri Melayu untuk Pulau Pinang, jadi ada orang semangat dia tepuklah. Tapi jangan lupa Ketua Menteri Melayu, Ketua Menteri Cina inipun Ketua dia Perdana Menteri Melayu, jadi apa masalahnya?. Isu dia sebenarnya adalah isu projek. Ada sakau ke tidak? kalau sakau saya tidak peduli Cina atau Melayu kita mesti tolak, itu isu dia.

42. Majoriti Cina di Pulau Pinang, bukan Melayu dipilih sebagai Ketua Menteri. Majoriti Melayu di Kelantan, Menteri Besar Melayu. Jadi kalau ada fahaman begitu, dia tidak boleh membawa apa-apa perubahan. Saya tengok isu itu sahaja yang dibawa sekarang ini. Jadi saya harap penjawat awam Pulau Pinang ini faham, hadam program dan apa yang perlu yang saya tidak mahu umumkan lagi sudah yang saya umumkan. Tapi apa dia maksudnya? apa sahaja yang mungkin, percayalah saudara-saudara saya orang Pulau Pinang, kata “pekin” saya jimat dan hendak tumpu pembangunan ekonomi dan di mana yang perlu kita jimat, yang perlu belanja kita belanja.
43. Tetapi saya tahu tidak payah, saya dengan KSN banyak kali saya bercakap benda-benda ini, gaji penjawat awam itu contohnya, terutama di peringkat bawah itu rendah. Saya tahu, gaji penjawat awam itu tidak setimpal dengan pertumbuhan ekonomi dan kedudukan dan kos sara hidup. Saya tahu. Sebab itu kita mulai tahun ini kita beri yang sedikit yang mampu. Tapi percayalah untuk penjawat awam, dengar ini betul-betul, kalau sebaik pertumbuhan ekonomi ini nampak rancak, macam yang ada sekarang ini, hasil petronas bertambah, hasil percukaian sekarang ini dalam 2-3 bulan tidak semena-mena dia meningkat cepat, bagus juga.

44. Dan kalau trend ini berlaku dalam 1-2 tahun ini, di antara perhatian saya selain daripada pembasmian kemiskinan yang menjadi target utama saya, saya akan pasti naikkan gaji dan elaun penjawat awam. Orang lain boleh janji ya, parti-parti lain dia boleh janji. Tapi saya, kalau saya janji seperti mana yang kita tengok, yang kita lakukan dalam 4 bulan 1/2 ini kita tunaikan.
45. Jadi macam kadar elektrik, bila Kerajaan ambil alih, keputusan Kerajaan pada masa itu ialah naikkan kadar elektrik. Tapi kita fikir macam mana hendak naik, tentunya harga barang naik, harga bawang naik, kemudian, kita hendak naik lagi kadar elektrik, tidak naik tidak boleh kerana subsidi elektrik itu terlalu tinggi mencecah RM15-20 bilion dan mungkin sampai ke RM30 bilion.
46. Jadi apa yang kita buat, jangan sentuh B40, jangan sentuh M40, jangan sentuh projek pertanian, jangan sentuh projek yang dikendali di peringkat SME kerana SME menjadi keutamaan kita juga. Jadi kita cukai syarikat-syarikat besar. Yang besarlah Motorola ke apa yang di Pulau Pinang ini kita naikkan sedikit tarif elektrik. Itu pendekatan kita tentulah syarikat itu akan jumpa Ketua Menteri dan merayu. Dia jumpa saya pun dia merayu, saya pun simpati juga, tapi kalau kita tidak cukai yang kaya, yang miskinlah derita.

47. Itu pendekatan kita, maknanya ambil alih kerajaan itu terus tukar dasar untuk naik kadar elektrik untuk semua rakyat dan kita langkah stabil politik kita, bekerja sebagai satu pasukan, hadapi ini pilihan raya negeri dengan cukup yakin. Walaupun dia tidak akan mengesankan Kerajaan Persekutuan, tetapi bagi tempoh kita untuk beberapa tahun ini untuk membuktikan, pertama, tatakelola yang baik, hentikan amalan sakau menyakau ini. Dan dengan hasil kita yang lebih baik, beri keadilan kepada orang yang berkorban untuk mengawal dan meningkatkan ekonomi negara dan orang-orang itu adalah kita mulakan dengan penjawat awam. Itu saja berita baik yang saya nak sampaikan.
48. Ada beberapa pengumuman lain saya akan lakukan pada hari Selasa. Yang disebut sedikit berita baik tambahan nanti hari Selasa. Sekali lagi saya ucap terima kasih dan kesempatan diberikan itu saya bincang tentang MADANI dan arah masa depan negara dan merayu kepada saudara supaya terus kerja dengan lebih cekap kerana kita tidak mampu pertahan prestasi peringkat ini, Malaysia tidak mungkin maju dengan tahap prestasi sekarang, jadi sementara kita hendak bersihkan kerosakan, tahap kerja mesti kita ditingkatkan supaya dalam 1-2 tahun atau 3

tahun kita akan melihat Malaysia itu dapat semarak dan berkumandang semula sebagai suara raksasa di rantau ini.

Terima kasih.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.